



**SEBUTHARGA KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENUKARGANTI KARPET
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOLEJ KOMUNITI KEMAMAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) untuk Sebutharga Kerja-Kerja Membekal Dan Menukarganti Karpet Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kolej Komuniti Kemaman, Kementerian Pendidikan Tinggi

1.1. dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebutharga berikut :-

Tajuk	Kategori/ Kelayakan	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Sebutharga	Tarikh Tutup Sebutharga
KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENUKARGANTI KARPET SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOLEJ KOMUNITI KEMAMAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	CIDB: PKK SPKK STB	Kelas G1 Kategori: B Pengkhususan: B04	KKCK/300- 2/4/38(S)	21 Mac 2023 (Selasa)	2 April 2023 (Ahad) sebelum jam 12.00 tengah hari
<ul style="list-style-type: none">Taklimat dan lawatan tapak berkaitan Sebutharga akan diadakan pada 26 Mac 2023 (Ahad), jam 2.30 petang bertempat di Kolej Komuniti Kemaman, Lot K-148 E, Bangunan MPK Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu. (WAJIB HADIR)					

1.2. **Taklimat berkaitan Sebutharga adalah wajib dihadiri** oleh semua penyebutharga yang berminat. Kegagalan menghadiri taklimat seperti yang ditetapkan akan menyebabkan penyebutharga tidak layak dipertimbangkan menyertai Sebutharga ini.

- 1.3. Salinan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Salinan Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) hendaklah dikemukakan semasa mengambil dokumen. Sila pastikan tarikh sah laku sijil-sijil tersebut masih belum tamat.
- 1.4. Wakil Syarikat hendaklah membawa Surat Perwakilan Syarikat untuk mengambil dokumen Sebutharga.
- 1.5. Dokumen Sebutharga boleh didapati di alamat dan waktu seperti berikut (selepas hadir taklimat wajib) :
 - Tempat : Aras Bawah, Kolej Komuniti Kemaman, Lot K-148 E, Bangunan MPK Kijal, 24100 Kijal, Kemaman, Terengganu
 - Masa : 7.30 pagi hingga 5.00 petang (Ahad – Rabu)
7.30 pagi hingga 01.00 tengahari (Khamis)
2.00 petang hingga 3.00 petang (Khamis)
- 1.6. Sebutharga yang lewat dihantar tidak akan diterima/dilayan. Kolej Komuniti Kemaman tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebutharga yang dihantar.
- 1.7. Semua keterangan mengenai Sebutharga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan kerja perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.8. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebutharga.
- 1.9. Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan oleh penyebutharga dan hanya penyebutharga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.10. Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :
 - i) Encik Rizuwan Bin Talib Tel : 09-8599330/
01111934085
 - ii) Cik Norida Azhar Tel : 09-8599330

Bahagian Pentadbiran

Kolej Komuniti Kemaman, Lot K-148 E,
Bangunan MPK Kijal,
24100 Kijal,
Kemaman, Terengganu.